



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KPKM SAMBUT BAIK AMANAT TAHUN BAHARU 2026 YAB PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA, 6 JANUARI 2026 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyambut baik serta menyokong penuh Amanat Tahun Baharu 2026 oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, khususnya berkaitan keterjaminan makanan, dilihat selaras dengan aspirasi memperkukuh tadbir urus, meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan memelihara kesejahteraan rakyat.

KPKM menyifatkan pengumuman YAB Perdana Menteri berhubung **pengecualian cukai jualan kadar sifar (0%)** ke atas input pengilang berdaftar bagi industri makanan ternakan, baja, dan racun serangga sebagai satu 'durian runtuh' buat sektor pertanian. Inisiatif ini amat dinantikan oleh pemain industri kerana ia mampu mengurangkan kos pengeluaran, sekali gus memastikan harga produk pertanian kekal mampu milik bagi menyokong keselamatan makanan negara.

Selain itu, Kementerian turut menyambut baik komitmen Kerajaan MADANI untuk meneruskan pelaksanaan **5,000 Jualan Agro MADANI (JAM)** pada tahun ini. Program ini terbukti berkesan dalam membantu meringankan kos sara hidup dengan memudahkan rakyat mendapatkan bekalan produk segar dan barangan keperluan asas pada harga yang lebih rendah berbanding pasaran.

KPKM kekal komited untuk melaksanakan pelbagai inisiatif strategik demi memperkukuh keterjaminan makanan negara secara menyeluruh, selaras dengan dasar dan hala tuju Kementerian.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

